

Headline	Aura Stadium Shah Alam bawa tuah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	197,202
Page No	63	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI	AdValue	RM 5,865
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,595



Aura Stadium Shah Alam bawa tuah

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

SELANGOR berharap aura positif apabila kembali bertandang ke gelanggang keramat, Stadium Shah Alam akan memberi pembaharuan baik untuk memastikan skuad Gergasi Merah menamatkan kempen Liga Malaysia pada musim ini dengan bergaya.

Sebagai rekod, Selangor berjaya mengutip tiga mata selepas menewaskan T-Team 2-1 apabila pemain gantian, Adam Nor Azlin memperoleh gol pada masa kecederaan untuk memastikan pasukan berstatus kelab itu pulang dengan tangan kosong.

Ketua jurulatihnya, Zainal Abidin Hassan percaya kemenangan tersebut boleh dianggap istimewa kerana ia adalah perlawanan rasmi pertama skuad Gergasi Merah di gelanggang keramat itu

selepas menjejakkan kaki buat kali terakhir pada saingan final Piala Malaysia tahun lepas.

"Saya akui pemain sangat merindui untuk kembali beraksi di sini kerana suasana dan auranya berbeza. Penyokong turut membantu kami mencatat kemenangan malam ini (kelmarin).

"Selain itu, ia adalah tiga mata penting kerana pemain berusaha keras untuk bangkit selepas ketinggalan 0-1 dan semangat pemain wajar dipuji kerana mereka berjuang sehingga wisel penamat," katanya.

Pada perlawanan tersebut, hasrat T-Team untuk mencatat kemenangan kelima berturut-turut dalam saingan Liga Super lebur meskipun penyerang importnya, Patrick Dos Santos berjaya menjaringkan gol pembukaan pada minit ke-53 untuk menewaskan penjaga gol, Norazlan Razali.

Namun, kegembiraan skuad

bimbingan Rachmat Darmawan itu tidak kekal lama selepas Olivi menjaringkan gol penyamaan menerusi gerakan solo (m-54) ke-sebelum pemain gantian, Adam muncul wira menjaringkan gol kemenangan pada masa kecederaan.

Sementara itu, Adam, percaya kejayaan mengutip tiga mata penuh adalah hasil usaha rakan-rakan sepasukan tetapi tidak dapat menyembunyikan perasaan gembira apabila menjaringkan gol pertamanya untuk Selangor.

"Saya anggap gol pertama sekali gus menjadi gol kemenangan ini adalah rezeki kerana ia adalah hadiah untuk pemain yang telah bekerja keras sepanjang 90 minit perlawanan," ujar pemain berusia 20 tahun itu.



PEMAIN Selangor, Andik Vermansah (kiri) berjaya melepasi kawalan pemain T-Team, Maiga Abdoulava pada perlawanan Liga Super di Stadium Shah Alam kelmarin.

Headline	Bolot kedai		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	8	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	413 cm ²
Journalist	Rizanizam	AdValue	RM 16,207
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,621



Bolot kedai

Warga asing hampir monopoli perniagaan

Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my

Isu warga asing memonopoli perniagaan di kawasan tertentu dilihat sebagai satu 'wabak' yang tidak ada kesudahannya selain sukar di atasi walaupun pelbagai usaha dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Tinjauan Metroplus di Taman Kantan Permai, Taman Sri Jenaris dan Puncak Saujana, di sini, turut tidak terkecuali daripada masalah berkenaan apabila pusat perniagaan di situ menjadi tumpuan warga asing.

Pemerhatian mendapati, hampir semua premis di lima blok bangunan komersial di-monopoli warga Indonesia yang membuka perniagaan kedai runcit, restoran, kedai jamu dan kedai gunting rambut.

Tidak cukup dengan itu, ada dalam kalangan mereka turut membuka khemah menjual makanan bersebelahan kios Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang di-khaskan untuk perniagaan

rakyat tempatan.

Seorang penduduk yang enggan dikenali ketika ditemui berkata, sekurang-kurangnya 13 premis dikuasai peniaga warga Indonesia, khususnya Aceh dan Madura.

"Di sini saja ada lima kedai runcit, empat kedai jamu dan empat kedai makan semuanya dimiliki orang Aceh dan Madura sejak berbelas-belas tahun lalu.

"Saya tidak pasti sama ada mereka ada lesen perniagaan atau tidak, tetapi sejak menetap di sini hampir 20 tahun lalu, belum ada rakyat kita berniaga di sini kerana dikuasai warga asing," katanya ketika ditemui, di sini, baru-baru ini.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Azman, 40, berkata, perniagaan di situ mungkin disewakan kepada warga asing oleh pemilik lesen yang dimiliki rakyat tempatan.

"Saya difahamkan, walau-

pun tempat ini jauh dari jalan besar, sewa dikenakan bukannya murah antara RM2,000 hingga 2,800 sebulan sedangkan saiz premis tidaklah besar mana.

"Mungkin juga pemilik lesen ambil 'untung atas angin' dengan menyewakan pula kepada peniaga warga asing," katanya.

Bagi mendapatkan kepastian, wartawan menyamar sebagai pelanggan di beberapa premis untuk mengetahui sejauh mana kebenaran dakwaan penduduk.

Melalui perbualan, dialek yang digunakan pekerja atau mungkin pemilik premis adalah bahasa Indonesia selain ada dalam kalangan mereka turut bercakap dalam bahasa suku Aceh sesama mereka.

Malah, sebuah kedai gunting rambut didapati turut memasang lagu-lagu Indonesia sebagai hiburan sementara menunggu pelanggan. menguatkan lagi dakwaan perniagaan dimonopoli

warga asing.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam MPKj Kamarul Izlan Sulaiman berkata, pihaknya belum pernah menerima aduan daripada penduduk setempat berhubung masalah peniaga warga asing di kawasan berkenaan.

"Bagaimanapun, kami akan melakukan pemeriksaan pada waktu terdekat bagi memastikan peniaga warga asing di premis komersial di kawasan berkenaan memenuhi semua syarat pelesenan yang ditetapkan MPKj.

"Cuma yang menjadi kesalahan adalah jika warga asing membuka khemah jualan di kios MPKj yang hanya dibenarkan untuk peniaga tempatan," katanya.

Tambah beliau, MPKj akan bertegas termasuk menegakan tindakan kompaun terhadap sesiapa saja yang melanggar peruntukan mengikut undang-undang kecil PBT.


Di sini saja ada lima kedai runcit, empat kedai jamu dan empat kedai makan semuanya dimiliki orang Aceh dan Madura sejak berbelas-belas tahun lalu"

Penduduk

nva dimiliki orang Aceh da

13 >> Premis dikuasai peniaga warga Indonesia, khususnya Aceh dan Madura

Headline	Kaedah mudah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	59	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	257 cm ²
Journalist	Omar Ahmad	AdValue	RM 10,085
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,255



Kaedah mudah

■ Syarikat bangun sistem rawat air inovatif

Omar Ahmad

Sistem penapisan dan rawatan air bio hijau (Bio Green Filtration System) mampu menjadi alternatif bagi mendapatkan sumber air bersih kerana ia boleh merawat pelbagai jenis sumber air termasuk air laut dan tasik.

Sistem yang dibangunkan oleh syarikat tempatan, Al Shahrani Sdn Bhd yang beroperasi di Pandamaran, Klang, Selangor itu turut digunakan pakai di Abu Dhabi dan Senegal.

Pengarah Urusannya Ismail Ali berkata, sistem berkenaan boleh menapis sehingga 60 meter padu air sejam daripada sumber air seperti empangan, air laut, tasik dan seumpamanya

sehingga menjadi air bersih.

Katanya, sistem penapisan dan rawatan air bio hijau di Empangan Sembrong di sini, yang dijalankan sejak enam bulan lalu adalah projek perintis pihaknya dan menunjukkan hasil yang baik.

“Sistem ini tidak menggunakan bahan kimia sebaliknya menggunakan bahan daripada alam semula jadi seperti arang dan lumpur.

“Air yang diambil daripada pelbagai sumber boleh ditapis dan dirawat menggunakan sistem ini yang turut berupaya merawat air tercemar dengan

ammonia,” katanya yang berpengalaman lebih 10 tahun dalam sistem rawatan air.

Menurut Ismail, teknologi sama juga digunakan di tiga loji air di Melaka iaitu Gadek, Bertam dan Sebukor.

“Sistem ini menelan kos kira-kira RM10 juta, ia dibiayai oleh syarikat Thahera Water Technology Sdn Bhd,” katanya selepas lawatan kerja Lembaga Urus Air Negeri Selangor (LUAS) ke tapak projek sistem berkenaan di sini, semalam.

Sementara itu, pemangku Pengarah LUAS Nor Zamri Sondor berkata, kerajaan negeri Selangor menerusi LUAS sedang menilai kaedah berkenaan untuk merawat sumber air di negeri itu berikutan pencemaran air semakin meningkat susulan cuaca panas.



"Mereka yang bermain 90 minit sebagai kesebelasan utama yang patut digelar wira.

Adam Nor Azlin

HARIAN METRO


'Bukan wira'

■ Adam tak mahu diulit pujian selepas jaring gol sulung



Firdaus Hashim

firdaushashim@hmetro.com.my



ZAINAL

Kuala Lumpur

Enggan melayan pujian melangit susulan jaringan masa kecederaannya membolehkan Selangor menumpaskan Terengganu FC II (TFC II) 2-1, pemain paling muda skuad Merah Kuning Adam Nor Azlin lebih gemar menyifatkan dirinya sebagai pelengkap kepada kemenangan itu.

Katanya, wira sebenar adalah rakan sepasukan yang beraksi sepanjang 90 minit perlawanan ketika dia sekadar dimasukkan pengendali pasukan, Zainal Abidin Hassan pada minit ke-90 untuk menggantikan Andik Vermansah.

Tidak sampai dua minit di atas padang, bekas tonggak utama Harimau Muda itu meledak jaringan pemisah ketika pasukan pelawat yang dibimbing Rahmad Darmawan sudah berkira-kira untuk membawa satu mata ke Kuala Terengganu.

"Saya memang tidak jangkakan bola itu akan masuk ke gawang. Sebelum melakukan sepakan itu, saya hanya

fikir untuk menghantar bola ke dalam kotak penalti. Tapi, bola itu kemudian terus menerjah jaring.

"Ini gol pertama saya bersama Selangor. Tapi siapa yang menjaringkan gol kemenangan itu bukan wira.

"Mereka yang bermain 90 minit sebagai kesebelasan utama yang patut digelar wira.

"Siapa pemain gantian yang masuk jika berjaya menjaringkan gol itu rezeki. Saya bangga dengan gol ini dan terima kasih kepada rakan sepasukan lain yang berkerja keras sepanjang 90 minit," katanya kepada Arena Metro, kelmarin.

Tambah Adam, motivasinya kini semakin meningkat dan pemain kelahiran Klang itu berazam untuk terus menyumbangkan lebih banyak gol dalam aksi berikutnya.

"Kalau terus diberi peluang, saya berjanji akan cuba membantu pasukan mendapatkan gol kemenangan atau berusaha membantu rakan lain menjaringkan gol," katanya.



ADAM (kanan) meraikan jaringannya bersama Mauro Olivi.

Gergasi Merah ambil tuah stadium keramat

Kuala Lumpur: Kemenangan pertama di Stadium Shah Alam apabila menundukkan Terengganu FC II (TFC II) dalam saingan Liga Super kelmarin, melegakan kem Selangor yang terdesak memburu kemenangan untuk menekan kelompok teratas.

Tiga mata diperoleh itu bukan saja meletakkan skuad Merah Kuning di tangga ketiga liga, malah memberi isyarat mereka kini mula menemui rentak kemenangan.

Lebih bermakna, kemenangan sulung di gelanggang keramat itu, selepas terpaksa beraksi di stadium kedua di Selayang sebelum ini, dilihat mampu menarik semula kehadiran penonton sekali gus melonjakkan semula semangat pemain seperti mana ketika menjuarai Piala Malaysia musim lalu.

Pengendali pasukan, Zainal Abidin Hassan berkata, kemenangan diraih ke atas pasukan kelab dari Terengganu itu, amat dinantikan seluruh peminat setia Selangor selain memberi kelegaan dan perangsang untuk meningkatkan prestasi dalam usaha memburu kejuaraan liga.

"Satu permulaan yang baik di sini (Stadium Shah Alam) tempat yang mereka (penyokong) dan pemain rindukan.

"Kemenangan pertama di sini untuk musim ini sudah tentu akan mendorong pemain untuk berusaha gigih kerana mereka sebenarnya boleh mempamerkan aksi yang lebih baik daripada ini.

"Bagaimanapun nampak ada sedikit kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan permukaan padang baru ini, jadi mungkin mengambil sedikit masa. Tapi insya-Allah, padang ini akan menjadi padang terbaik Selangor," katanya selepas aksi kelmarin.

Pada aksi itu, The Titans terlebih dulu di depan menerusi jaringan Patrick Dos Santos pada minit ke-54 sebelum Mauro Olivi memadam kelebihan pelawat itu.

Ketika aksi menuju ke penghujung saingan, pemain gantian Adam Nor Azlin muncul wira apabila menjaringkan gol pada masa kecederaan, sekali gus menghadihkan tiga mata penuh buat tuan rumah.

Rahmad akur rekod Titans lebur

Kuala Lumpur: Pengendali Terengganu FC II (TFC II), Rahmad Darmawan (gambar) bersikap profesional dalam menerima hakikat rekod cemerlang pasukan itu dalam empat aksi sebelum ini lebur di tangan Selangor apabila tewas 1-2 di Stadium Shah Alam, kelmarin.

Kekalahan itu nyata memberi kesan besar buat skuad The Titans yang jatuh

satu anak tangga daripada kedudukan ketiga carta Liga Super sebelum ini.

Bagaimanapun, menurut bekas pengendali skuad kebangsaan Indonesia itu, Selangor sememangnya berhak mengukir tiga mata penuh berdasarkan kelebihan dimiliki skuad juara Piala Malaysia itu.

"Selangor mempunyai pemain simpanan yang saya ta-

hu boleh menyulitkan kami. Ini kerana mereka memajukan pemain yang memiliki kepantasan pada separuh masa kedua, lalu menjadikan kami sedikit tertekan.

"Tapi pemain saya sudah bermain bagus hari ini, cuma nasib tidak memihak kepada kami. Saya terima kekalahan ini dengan tangan terbuka," katanya.

Jelasnya, TFC II masih ber-

ada di landasan betul untuk mencabar kejuaraan liga dengan menyeru pemainnya berusaha memberikan persembahan terbaik pada setiap perlawanan selepas ini.

"Kami sedar tidak boleh lalai kerana perjalanan liga jauh. Pasukan akan terus berusaha memperbaiki kelemahan dan cuba meningkatkan permainan dari satu ke satu perlawanan," katanya.



Headline	Kaedah mudah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	59	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	257 cm ²
Journalist	Omar Ahmad	AdValue	RM 10,085
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,255



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Selangor State Government (Selangor State Government)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Bolot kedai		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	8	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	413 cm ²
Journalist	Rizanizam	AdValue	RM 16,207
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,621



Headline	Adam tak sangka hantaran lintang terjah jaring TFCII		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	57	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,744
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,232



Adam tak sangka hantaran lintang terjah jaring TFC II

Kuala Lumpur: Penyerang muda Selangor, Adam Nor Azlin mengakui tidak menyangka hantaran lintang yang cuba dilakukannya berjaya menerjah gawang untuk gol kemenangan Selangor mengatasi Terengganu FC (TFC II) di Stadium Shah Alam, malam kelmarin.

Penyerang berusia 20 tahun itu berkata, dia menyedari masa kian suntuk jadi dia cuba melakukan hantaran lintang ke dalam kotak penalti supaya boleh dimanfaatkan Patrick Ronaldinho Wleh yang berada di kawasan terbabit.

"Namun, hantaran lintang itu sekadar mendarat tetapi mungkin tuah menyebelahi saya apabila bola menuju masuk ke gawang dan kelihatan seperti ia ditampar oleh Patrick.

"Saya menjangkakan Patrick memperoleh jaringan tetapi saya terkejut apabila nama saya diumumkan selaku penjaring gol terbabit.

"Ini gol pertama saya buat Selangor malah lebih manis ia gol kemenangan buat pasukan ini yang beraksi kembali di laman keramat Stadium Shah Alam," katanya ketika ditemui selepas perlawanan, kelmarin.

Dos Santos buka jaringan

Pada aksi terbabit, Patrick Dos Santos membuka jaringan buat The Titans pada minit ke-53 sebelum Mauro Olivi mengikat kedudukan seminit berselang, namun jaringan minit akhir Adam membe-

rikan tiga mata penuh buat tuan rumah.

Sementara itu, pengendali Selangor, Zainal Abidin Hassan melahirkan rasa gembiranya apabila jenteranya kembali 'bernyawa' dan berjaya meledak dua gol pada aksi terbabit.

"Permulaan yang baik di sini dan saya gembira dapat mengutip tiga mata pada aksi pertama kami selepas kembali ke laman sendiri.

"Walaupun mereka ada terlepas beberapa peluang, mereka berusaha keras dan kemenangan ini akan menjadi motivasi tambahan untuk barisan pemain mendapatkan kembali momentum yang hilang dalam beberapa perlawanan sebelum ini," katanya.

Oleh Syafiq Aznan

Info

Adam Nor Azlin

- **Umur:** 20 tahun
- **Tarikh Lahir:** 5 Januari 1996
- **Tempat Lahir:** Klang, Selangor
- **Posisi:** Penyerang
- **Kelab:** Selangor
- **Kelab Asal:** Harimau Muda

Wakil skuad Bawah 23 Tahun (B-23): Untuk aksi Piala Bangabandhu 2015

Headline	Adam tak sangka hantaran lintang terjah jaring TFCII		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	57	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,744
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,232



Adam (kiri) gembira jaring gol kemenangan buat Selangor yang beraksi kembali di laman keramat Stadium Shah Alam.

Headline	Kirim guru beli buku rujukan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	29	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	468 cm ²
Journalist	Fahmy Azril Rosli	AdValue	RM 16,071
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,213



'Kirim guru beli buku rujukan'

➔ Penerima Anugerah Fellowship Naib Canselor tak jadikan kekurangan halangan berjaya

Oleh Fahmy Azril Rosli

fahmy.azril@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Hidup di ceruk pedalaman dengan kemudahan infrastruktur serba kurang bukan halangan bagi seorang penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Salmah Jan Noor Muhammad mencari ilmu.

Salmah Jan yang berasal dari Semporna, Sabah tidak menjadikan keadaan itu penghalang baginya kerana beliau selalu mengumpamakan hidup tanpa ilmu seolah-olah hati yang mati.

Anak kelima daripada tujuh beradik itu sentiasa meminta bantuan guru atau bapanya yang bekerja di luar kawasan Semporna untuk membeli buku yang hanya boleh didapati di bandar.

Beliau berkata, jarak dari kampung halaman ke bandar terdekat, Tawau mengambil masa sembilan jam menaiki kereta dan ada ketika ayahnya terpaksa mengambil cuti hanya untuk memenuhi permintannya mendapatkan buku sebagai rujukan belajar.

Tiada internet

"Antara kekangan lain yang meresahkan penduduk khususnya anak-anak yang masih belajar ialah ketiadaan kemudahan internet bagi membuat rujukan.

"Paling tidak pun, saya tekad mendapatkan buku dengan mengirim kepada guru yang pulang ke kampung halaman mereka di semenanjung beberapa buku sebelum pulang ke Semporna," katanya kepada BH selepas Majlis Gemilang Akademia Putra 2015 di UPM, semalam.

Headline	Kirim guru beli buku rujukan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	29	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	468 cm ²
Journalist	Fahmy Azril Rosli	AdValue	RM 16,071
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,213

Info

Biodata Dr Salmah Jan Noor Muhammad

- **Memperoleh Ijazah Sarjana Kesusasteraan Melayu** di UPM pada 2006.
- **Menjadi tutor di Jabatan Bahasa Melayu**, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, pada 2007.
- **Menjadi Pensyarah Kanan** di UPM pada 2013.

Antara karya dihasilkan

- **Projek 'Bongkar Misteri Hang Tuah'**
- **Diplomatic Strategies Wisdom** of the Past Malay Kingdoms in Establishing Global Diplomasy
- **Statecraft as Practiced** by a Malay Kingdom: The Terengganu State Legal Text of 1911.

Headline	Kirim guru beli buku rujukan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	29	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	468 cm ²
Journalist	Fahmy Azril Rosli	AdValue	RM 16,071
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,213



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan Anugerah Fellowship Naib Canselor Pengajaran kategori Pengajar Muda kepada Dr Salmah Jan di UPM, semalam.

Headline	Aura stadium keramat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	279,000
Page No	55	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	231 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,940
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,820



Aura stadium keramat

PENGENDALI Selangor, Zainal Abidin Hassan mengakui kembalinya semula skuad *The Red Giants* ke stadium keramat, Stadium Shah Alam memberi mereka semangat baharu apabila menewaskan Terengganu FC II 2-1 kelmarin.

Selepas gagal menyerlah dua aksi terakhir apabila sekadar mencatat keputusan seri 0-0 menentang PDRM dalam saingan Liga Super dan menentang Ceres La Salle dalam Piala AFC, kemenangan kelmarin amat melegakan bekas pengendali Pahang itu.

"Permulaan yang baik pada penampilan sulung di Stadium Shah Alam dan tempat yang turut dirindui penyokong dan pemain.

"Tahniah juga kepada pemain walaupun mereka ada melepaskan beberapa peluang, tetapi mereka bermain dengan baik. Terengganu FC II juga memberikan tentangan sengit," katanya.

Menurutnya, kemenangan ke atas Terengganu FC II itu turut menjadi pemangkin se-



Pemain Selangor, Patrick Ronaldo mengawal bola sambil cuba dirampas pemain Titans, Muhd Ilham Amirullah di Stadium Shah Alam, kelmarin. - Foto Bernama

mangat apatah lagi berjaya a menamatkan kemenangan empat kali berturut-turut *The Titans*.

"Kemenangan pertama di Shah Alam musim ini akan mendorong pemain untuk berusaha lebih lagi kerana mereka

sebenarnya boleh mempamerkan persembahan lebih baik berdasarkan keyakinan mereka di atas padang," katanya.

Namun, beliau mengakui pemain akan mengambil sedikit masa untuk menyesuaikan diri di atas permukaan pa-

dang baharu.

"Nampak ada kesukaran untuk menyesuaikan diri, mungkin akan mengambil masa. Tetapi saya yakin padang ini akan menjadi padang terbaik untuk pasukan Selangor," katanya.

Headline	Tidak mahu salahkan pemain		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	279,000
Page No	55	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	183 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,122
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,365



Tidak mahu salahkan pemain

SELEPAS melakukan kebangkitan dramatik dengan menang empat perlawanan terakhir menentang Kelantan, Sarawak, Kedah dan Pulau Pinang akhirnya Terengganu FC II tersungkur di kaki *The Red Giants* 1-2 dalam aksi Liga Super, malam kelmarin.

Keputusan itu nyata memberikan sedikit kekecewaan kepada pengendalinya, Rahmad Darmawan, namun mengakui pemain sudah memberikan yang terbaik.

"Selepas kami mendahului satu gol, kami gagal membentuk semula formasi dengan pantas dan gagal fokus.

"Selangor mengambil kesempatan dengan menjaringkan gol mudah. Kami cuba bangkit tetapi gagal. Apa-apa pun saya tahu pemain sudah memberikan yang terbaik," katanya.

Dalam perlawanan kelmarin, *The Titans* mendahului Selangor menerusi jaringan Patrick Dos Santos pada minit ke-54 sebelum pantas disamakan Mauro Olivi pada minit ke-55.

Gol kemenangan *The Red Giants* hadir menerusi pemain gantian Adam Nor Azlin pada minit ke-92 perlawanan.

Namun, pengendali kelahiran Indonesia itu mengakui skuad kendalian Zainal Abidin Hassan mempunyai kelebihan pemain yang pantas.

"Pada separuh masa ke-

dua, Zainal memasukkan beberapa pemain yang pantas dan itu memberikan tekanan kepada kami. Tetapi, selepas ini kami janji akan bangkit," katanya.

“Selangor mengambil kesempatan dengan menjaringkan gol mudah. Kami cuba bangkit tetapi gagal. Apa-apa pun saya tahu pemain sudah memberikan yang terbaik.” - Rahmad



Pemain Titans, Maiga Abdoulava Youssouf cuba mengekang kemaraan Andik Vermanshah semasa aksi di Shah Alam.
- Foto Bernama

Headline	RM4,700 menanti pemenang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 May 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	42	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	33 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 325
Frequency	Daily	PR Value	RM 975



RM4,700 menanti pemenang

SABAK BERNAM – Sebanyak RM4,700 wang tunai ditawarkan pada Kejohanan Futsal Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) yang akan diadakan di Gelanggang Futsal MDSB, 4 Jun depan.

Juara kejohanan itu bakal membawa wang tunai RM2,500, manakala naib juara, RM1,000, tempat ketiga pula RM700 dan keempat RM150.

Setiap kumpulan yang ingin menyertai pertandingan itu dikenakan yuran sebanyak RM150 yang mana undian akan dibuat pada jam 3 petang di Dewan Sri Bernam.

Headline	Rayu premis niaga dibuka semula		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,998
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,994



Rayu premis niaga dibuka semula

Pengusaha bengkel jahitan sudah bayar tunggakan sewa tetapi kedai masih dikunci

SIJANGKANG - Seorang pengusaha bengkel jahitan kesal apabila rayuan permohonannya menyewa semula premis perniagaan milik pihak berkuasa tempatan (PBT) ditolak meskipun sudah menyelesaikan tunggakan sewa.

Aslinda Ali Akhbar, 48, berkata, dia mengakui gagal membayar tunggakan sebelum ini namun selepas premisnya dikunci dia berusaha mencari wang untuk menjelaskan tunggakan lebih RM1,500 itu dengan kadar segera.

Menurutnya, dia mengusahakan bengkel jahitan itu sejak 18 tahun lalu, tetapi gagal menyelesaikan tunggakan gara-gara berdepan pelbagai masalah keluarga sehinggakan premisnya dikunci.

"Lebih memeranjatkan bila akak dapat tahu ada pihak bakal ambil

alih premis akak ni sedangkan akak tak diberi apa-apa surat untuk ditandatangani sebagai bukti akak serah premis ni.

"Tu yang akak kesal, sebab akak ada ambil upah jahit baju raya, macam mana akak nak jahit baju pelanggan kalau tempat tak ada," katanya sedih.

Jelasnya, dia turut kerugian RM20,000 apabila segala produk barangan jahitan dan produk kecantikan yang ditempah dan sebahagiannya telah sampai tetapi tidak boleh

menjalankan perniagaan di situ.

Katanya, dia sangat mengharapkan budi bicara daripada pihak bertanggungjawab dalam membantu usahawan Melayu sepertinya.

"Akak sebenarnya dah rancang macam-macam untuk persiapan raya

ni dan dah terima pelbagai tempahan pelanggan.

"Tapi bila jadi macam ni, akak tak tahu nak mengadu pada siapa. Tunggakan dah bayar tapi mereka masih kunci dan hanya buka bila akak nak ambil barang," katanya yang sempat menceritakan masalahnya kepada Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Dalam pada itu, Aslinda berkata, dia masih hendak berusaha mencari jalan mempertahankan premisnya itu kerana meminati perniagaan jahitan.

Sementara itu, *Sinar Harian* ketika menghubungi Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dimaklumkan, pihak berkenaan akan memberikan maklum balas dalam masa terdekat.



Barangan perniagaan Aslinda yang terpaksa dikemaskan.



Aslinda (kanan) ketika menjalankan kelas jahitannya.

Headline	10 tahun tunggu rumah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,394
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,182



10 tahun tunggu rumah

RAWANG - Selepas hampir 10 tahun menunggu, hajat penduduk yang terlibat dalam penyusunan semula Kampung Rawang Tin hajat memiliki rumah dinantikan itu akhirnya tercapai.

Cadangan projek dikemukakan pada 2007 dengan jumlah penduduk terlibat awalnya seramai 142 orang sebelum lapan daripadanya tidak layak menerima rumah dengan harga tawaran selepas tuntutan mereka dalam kes mahkamah gagal.

Adun Rawang, Gan Pei Nei berkata, kira-kira 130 penduduk ditawarkan pembelian unit rumah teres dua tingkat dengan harga RM80,000.

Menurutnya, projek mengambil masa panjang disebabkan prosiding mahkamah melibatkan dua kes berkenaan status tanah dan lapan penduduk.

"Sekitar 2009 kerja tanah mula dilakukan dan 2011 projek berjalan sepenuhnya selepas kes mahkamah selesai dan siap 2015 sebelum memperoleh CCC (sijil penyiapan dan pematuhan) pada 2016.

"Penyerahan kunci dibuat April lalu kepada penduduk yang layak dan terdapat beberapa penduduk menghadapi



Penduduk mula berpindah masuk secara berperingkat sejak April lalu.



PEI NEI

masalah pinjaman dan lain-lain yang menyebabkan mereka belum memasuki rumah baru itu," katanya.

Beliau berkata, walaupun prosesnya mengambil masa panjang namun Rawang Tin itu adalah salah satu projek con-

toh berjaya di selesaikan kerajaan negeri di daerah itu.

"Untuk menyiapkan projek itu terdapat banyak halangan dan tentangan namun atas muafakat penduduk dan pengalaman pemaju serta jawatan kuasa mengendalikannya ia dapat direalisasikan.

"Penyusunan kampung ini dimohon sendiri oleh jawatan kuasa penduduk selepas kawasan tersebut kerap mengalami masalah banjir dari tiada kemudahan infrastruktur yang lengkap," katanya.

Menurutnya, Kampung Rajah adalah fokus kedua bagi projek penyusunan yang kini dalam pemerhatian dan mendapatkan persetujuan penduduk.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MOnly (_MOnly)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



06 May 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 117.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,152.00
PR value: MYR 3,456.00 • Item ID: MY0025951001



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

back

Cungkil bakat baharu atlet

BANTING - Kejohanan Bolasepak 9 Sebelah Tertutup, Piala Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, akan diadakan pada 28 dan 29 Mei ini di Stadium Jugra dan Padang Awam Kampung Sungai Buaya, di sini.

Setiausaha kejohanan, Izuddin Ibrahim berkata, ia anjuran bersama Pusat Khidmat Masyarakat Dun Sijangkang, Persatuan Bolasepak Melayu Selangor (PBMS) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Menurutnya, PBMS akan menjadikan kejohanan itu platform mencungkil bakat baharu dalam kalangan remaja dan pemuda di sekitar Kuala Langat, bagi mencari pemain yang berpotensi un-

tuk menghadapi Kejohanan Bolasepak Piala Emas Raja-Raja 2016.

"Sebanyak 32 pasukan dijangka bermain secara liga sebelum ke peringkat kalah mati dan perlawanan akhir.

"Juara akan menerima piola pusingan, wang tunai dan medal. Manakala, tempat kedua, ketiga dan keempat akan menerima wang tunai dan medal," katanya.

Izuddin berkata, maklumat lanjut borang dan syarat penyertaan boleh didapati dengan menghubungi Shahimy (013-2342323), Nizam (012-6397015) dan Sharudin (013-6431137) atau di laman sesawang pbms.com.my.

Selain itu, borang penyertaan juga boleh diperoleh

di kaunter pertanyaan dan laman web www.mdkl.gov.my dan tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Mei.

"Sempena kejohanan ini, akan diadakan satu perlawanan persahabatan amal antara pasukan bekas pemain Selangor dan Pahang pada Sabtu, 28 Mei jam 8.30 malam di Stadium Jugra.

"Ia bagi mengutip sumbangan untuk bekas pemain Selangor dan Malaysia, Zapril Hashim dan Azhar Shariff yang mengidap penyakit kronik," katanya.

Pasukan Selangor yang dipimpin Zulkifli Norbit, bakal menyaksikan kemunculan K Gunalan, Malek Rahman, Karim Pin dan Talib Sulaiman.



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Peluang miliki rumah serendah RM150,000

Worldwide Holdings Berhad bakal lancar rumah mampu milik Selangorku

MOHD HAFIZ ISMAIL

SHAH ALAM – Worldwide Holdings Berhad syarikat pemaju hartanah bakal melancarkan produk terbaru mereka iaitu rumah mampu milik di bawah inisiatif kerajaan negeri dikenali sebagai Projek Rumah Selangorku.



NORAZLINA

Pengurus Besar Hartanah Worldwide Holdings Berhad, Rosli Ismail berkata, projek tersebut akan dilancarkan esok, terletak di lokasi menarik iaitu Seksyen U5, Subang Bestari, Shah Alam.

"Projek ini terletak di lokasi gabungan strategik di koridor Subang- Sungai Buloh dan projek pembangunan Kwasa Damansara dengan persekitaran menarik.

"Selain itu, harga kompetitif menjadikan Subang Bestari sebagai satu perbandaran semakin popular dan dikenali di Lembah Kelang," katanya.

Jelasnya, Projek Rumah Selangorku dimajukan syarikat berkenaan menawarkan 388 unit kediaman mampu milik terdiri dua jenis apartmen 16 tingkat dikenali sebagai Seri Aduria dan Seri Musytari.

"Kedua-dua rumah ini terbahagi kepada dua jenis iaitu jenis C dan jenis D. Jenis C berkeluasan 800 kaki persegi dengan harga RM150,000, manakala jenis D pula berkeluasan 1,000 kaki persegi berharga RM220,000.

"Seri Aduria terletak di atas tanah berkeluasan 2.04 ekar merangkumi 220 unit rumah iaitu 122 unit jenis C dan 98 unit jenis D. Manakala Musytari terletak di atas tanah berkeluasan 1.97 ekar (0.80 hektar) mempunyai 168 unit rumah iaitu 118 unit

jenis C dan 50 unit Jenis D dengan dilengkapi tiga bilik dan dua bilik air," katanya.

Selain lokasi yang strategik, Rosli berkata, beberapa infrastruktur sedia ada seperti sekolah, lebuh raya utama, institusi pengajian tinggi dan sebagainya.

"Projek Rumah Selangorku Seri Aduria dan Seri Musytari ini, terletak di lokasi yang strategik dekat dengan lebuh raya Sprint, NKVE dan LDP.

"Selain itu, pembeli-pembeli rumah ini turut menikmati kemudahan di sekeliling pembangunan pesat seperti projek menaik taraf jalan baharu Lapangan Terbang Subang dan penempatan baharu kompleks Pejabat Daerah Petaling, pembukaan kawasan-kawasan baharu komersial serta institusi pendidikan," katanya.

Beliau berkata, orang ramai dipelawa membeli rumah Selangorku bukan hanya disebabkan oleh harganya yang kompetitif, tetapi kedudukan strategik terletak berhampiran dengan dua rangkaian stesen MRT.

"Dua rangkaian stesen MRT ini menggabungkan Sungai Buloh-Kajang yang dijangka siap pada 2017 dan stesen MRT yang menghubungkan Sungai Buloh- Putrajaya yang kini di peringkat perancangan.

"Kedua-dua stesen ini hub pengangkutan awam terbesar dan bersebelahan dengan projek pembangunan Kwasa Damansara projek mega yang akan merencanakan pembangunan Subang Bestari," katanya.

Mengulas lanjut, projek Seri Aduria dan Seri Musytari adalah



Norazlina (kanan) mendengar penjelasan daripada Rosli mengenai projek perumahan yang giat dijalankan oleh Worldwide Holdings Berhad.

projek rumah mampu milik ke lapan Worldwide Holdings Berhad.

"Sebelum ini di Subang Bestari kita telah bina sebanyak 1182 unit rumah mampu milik di kawasan tersebut. Perlu diingatkan projek kali ini adalah projek terakhir syarikat kami di Subang Bestari bagi kategori rumah mampu milik," katanya.

Menurutnya, Subang Bestari merupakan pembangunan campur kepadatan rendah di atas 202.34 hektar tanah di mukim Sungai Buloh.

"Jumlah produk hartanah yang telah dibina sepanjang 20 tahun adalah sebanyak 2,938 unit merangkumi rumah banglo dan semi D, rumah teres, pangsapuri serta unit komersial.

Rosli berkata, Worldwide Holdings Berhad mempunyai pengalaman lebih 23 tahun dalam pembangunan hartanah di samping terlibat sebagai pemain utama dalam industri pengurusan alam sekitar, pelaburan hartanah, mempunyai kepentingan 25 peratus dalam penjana kuasa bebas (IPP) KLPP dan pembuatan peralatan peranti perubatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Worldwide Holdings Berhad, Datin Paduka Norazlina Zakaria menyeru golongan berpendapatan sederhana, belia, pasangan muda belum memiliki rumah hadir di majlis pelancaran dan pendaftaran Rumah Selangorku.

"Kalau kita lihat harga komersial unit rumah sama keluasan dengan rumah Selangorku dalam lingkungan RM500,000 hingga RM600,000. Ambil peluang ini," katanya.

Beliau turut menyuarakan keyakinan pelancaran dan pendaftaran rumah mampu milik Rumah Selangorku tepat pada masanya walaupun dalam keadaan suasana pasaran tidak menentu saya.

Norazlina berharap Bank Negara Malaysia melonggarkan syarat terhadap aspek peraturan memberi pinjaman perumahan kepada golongan berpendapatan sederhana.

Justeru beliau menjemput semua pihak hadir mendaftar dan mendapatkan maklumat lanjut berkaitan projek rumah mampu milik Selangorku oleh Worldwide Holdings Berhad.

INFO

Kemudahan dan faedah prasarana Subang Bestari

- Stesen MRT menghubungkan Sungai Buloh - Kajang dan Sungai Buloh - Putrajaya.
- Bersebelahan dengan Projek Mega Kwasa Damansara.
- Berdekatan dengan Lapangan Terbang Subang.
- Jaringan perjalanan melalui lebuh raya Guthrie, Latar dan NKVE.
- Institusi pengajian tinggi (IPT).
- Pejabat Daerah Petaling.
- Perjalanan singkat ke kawasan bandar Kota Damansara.
- Sekolah Menengah Subang Bestari.
- Sekolah Kebangsaan Subang Bestari.
- Tapak Pembangunan Sekolah Agama Jabatan Agama Islam Selangor.



back



Pemimpin Pas lain diarah pulang

■ RAZIATUL HANUM A. RAJAK

SHAH ALAM – Beberapa pemimpin Pas pusat lain turut menerima nasib sama dengan Timbalan Presidennya, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang diarah meninggalkan Sarawak, semalam.

Setiausaha Pas Sarawak, Mukhtar Suhaili berkata, selain Tuan Ibrahim, Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan; Ketua Penerangan Pas, Nasrudin Hassan; Pesuruhjaya Pas Kedah, Dr Ahmad Fakhruddin Sheikh Fakhruddin dan puluhan petugas Pas turut diminta meninggalkan Sarawak.

"Pas Sarawak menghantar surat rasmi ke Pejabat Ketua Menteri Sarawak bertarikh 3 Mei lalu untuk memohon memanjangkan tempoh had masa pimpinan dan petugas Pas berada di Sarawak," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Namun tidak dimaklumkan sama ada pihaknya sudah mendapat res-

pons atau belum dari Pejabat Ketua Menteri Sarawak.

Semalam, Tuan Ibrahim memberitahu beliau akan pulang ke Semenanjung selepas berada di negeri itu selama dua hari dengan penerbangan jam 2.25 petang.

Tuan Ibrahim tiba di Sarawak pada 3 Mei lalu untuk membantu calon Pas berkempen pada PRN.

Difahamkan, Ketua Pemuda Pas, Nik Mohamad Abdul Nik Abdul Aziz dan Timbalannya, Muhammad Khalil Abdul Hadi mendapat kelulusan untuk tinggal di Sarawak sehingga tarikh pengundian nanti.

Mukhtar juga berkata, pihaknya menyampaikan penghargaan kepada pihak berkuasa susulan beberapa pimpinan tertinggi Pas dibenarkan masuk tanpa halangan antaranya, Naib Presiden Pas, Datuk Iskandar Abdul Samad dan Idris Ahmad serta Ketua Pengarah Pilihan raya, Datuk

Mustafa Ali.

Sebelum ini, beberapa pemimpin pembangkang lain turut diarah meninggalkan Sarawak sebelum tarikh pengundian.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kuala Nerus, Datuk Dr Khairuddin Aman Razali berkata, beliau dihalang memasuki Sarawak petang semalam.

Katanya, beliau terpaksa pulang semula ke Kuala Lumpur dengan penerbangan seterusnya.

"Saya akur dan peraku hak autonomi imigresen yang diberikan oleh Perlembagaan kepada Sarawak. Pada masa sama saya harap kerajaan BN beri lebih lagi ruang untuk demokrasi dipraktikkan dalam PRN kali ini.

"Menyekat kemasukan ahli parlimen kecil seperti saya tidak menguntungkan imej kerajaan BN dalam pilihan raya kali ini. Ia akan menimbulkan persoalan; adakah BN menerusi PBB merasa tergugat PRN kali ini?,"

2/4



06 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: RAZIATUL HANUM A.RAJAK • Section: Nasional • Page: 1,2
Printed Size: 677.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 11,548.00 • PR value: MYR 34,644.00 • Item ID: MY0025950884

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



back

katanya

katanya

INFO

Kronologi pemimpin dihalang masuk Sarawak

- 22 Mac 2016 - Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu dihalang memasuki Sarawak oleh Jabatan Imigresen negeri itu.
- 14 April 2016 - Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, Datuk Jamal Md Yunos yang juga Pengerusi Gabungan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dilarang memasuki Sarawak sebaik tiba di Lapangan Terbang Kuching pada jam 11.30 pagi.
- 15 April 2016 - Setiausaha Organisasi DAP Kebangsaan, Anthony Loke turut dihalang menjejakkan kaki ke Bumi Kenyalang.
- 16 April - Ahli Parlimen Kluang (DAP), Liew Chin Tong turut dikenakan larangan ketika tiba di Lapangan Terbang Sibul.
- 22 April - Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh (DAP), Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin (PKR) dan Adun Machang Bubuk, Lee Khai Loon (PKR) ditahan sebaik tiba di Lapangan Terbang Sibul.
- 23 April 2016 - Naib Presiden PKR, Shamsul Iskandar Mohd Akin mengkritik tindakan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem yang enggan membenarkan beliau memasuki Sarawak.
- 24 April 2016 - Timbalan Pengerusi DAP Pulau Pinang, Jagdeep Singh Deo dihalang masuk ke Sarawak.
- 30 April - Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali juga Menteri Besar Selangor diarah meninggalkan Sarawak pada 2 Mei.
- 2 Mei 2016 - Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar gagal memasuki Sarawak seurus tiba di Lapangan Terbang Miri walaupun telah menulis surat kepada Ketua menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem.



06 May 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 14 • Printed Size: 229.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,568.00
PR value: MYR 13,704.00 • Item ID: MY0025951782



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

back

Op Cantas Khas Tonto diperluas

Oleh ROSALINDA MD. SAID

utusanganu@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 5 MEI

OP Cantas Khas Tonto akan terus diperluaskan ke seluruh negara dengan Johor, Pulau Pinang dan Kedah bakal menjadi destinasi terbaharu untuk digempur pihak berkuasa dalam melumpuhkan jenayah tersebut.

Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Seri Ismail Ahmad berkata, selepas ini lebih banyak tangkapan akan dibuat susulan kejayaan awal operasi yang membabitkan kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara agensi itu dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

